Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA

ALUMNI UKM

# SENADI

BULETIN ALUMNI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JULAI 2024 | BIL. 26 | ISSN 1985-9392



## BENTENG DIGITAL: MENANGANI ANCAMAN SIBER DEMI KESELAMATAN MASA HADAPAN

**Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc**

Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI

www.ukm.my/alumni

SENADI


**Penaung**

YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman

**Penasihat**

YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil

**Ketua Editor**

Dr. Roslan Ja'afar

**Editor**

Dr. Muhammad Sofwan Mahmud
Dr. Hilwa Abdullah @ Mohd Nor
Dr. Syajarul Imna Mohd Amin

**Editor Pengurusan**

En. Mohd Kamal Abd Aziz

**Juru Gambar**

En. Wan Nursyaffiq Wan Mahamood
En. Mohammad Hafiz Mohd Ali

**Editor Teknikal**

En. Wan Nursyaffiq Wan Mahamood
En. Mohammad Hafiz Mohd Ali

**Pembantu Editor**

Pn. Rohidayah Abdul Rahim
Cik Nurhidayah Isahak
Pn. Rosnita Manap
Pn. Mimi Sharina Ash'ari
Pn. Nur Aqilah Mohd Roseli
Cik Nur Farzana Mohd Rozlan
En. Muhammad Hafiyyan Ahmad
En. Mohd Faiz Md Shah
En. Divesh Mahindran

# SIDANG REDAKSI



## PROF. MADYA DR. MOHD SUZEREN MD JAMIL

Timbalan Naib Canselor
Hal-Ehwal Pelajar & Alumni

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Para alumni yang dikasihi sekalian,

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama menyaksikan Universiti Kebangsaan Malaysia mencapai gerbang usia yang ke-54 tahun pada 18 Mei 2024 yang lalu. Sejak ditubuhkan pada tahun 1970, UKM telah berjaya melahirkan seramai 229,452 alumni cemerlang di peringkat negara dan juga antarabangsa. Universiti Watan ini masih utuh berdiri dan terus terkehadapan melangkaui jangkaan.

Peranan alumni di luar sana sememangnya memberikan impak yang penting dalam menzahirkan kehebatan dan keunggulan universiti. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga UKM, pelajar dan juga alumni atas sumbangan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada universiti sehingga berada di tahap ini. Bersempena sambutan Hari Pekerja CUEPACS, UKM juga telah menerima Anugerah Majikan Prihatin bagi peringkat Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan pada 1 Mei 2023 yang lalu. Diharap pencapaian ini dapat memberikan suntikan semangat kepada seluruh warga UKM untuk terus cemerlang.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya rakamkan kepada seluruh alumni yang menyumbang semula kepada alma mater ini. Di bawah Portfolio Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) juga telah melancarkan Pelan Strategik HEPA UKM 2023-2026 sebagai nafas baru dan panduan untuk memantapkan lagi pentadbiran Pusat Tanggungjawab dibawah lembayung portfolio ini. Terdapat 4 strategi utama yang menjadi tonggak kepada Pusat Perhubungan Alumni bagi membawa transformasi dan impak yang lebih besar kepada alumni dan juga universiti.

Akhir kata, saya berharap agar semua alumni UKM dapat kembali ke alma mater untuk mencurahkan bakti kepada universiti watan ini tidak kira dari segi kepakaran, perkongsian pengalaman, mahupun bantuan kewangan untuk memastikan hubungan dua hala ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga, alumni dan masyarakat. Bagi pihak pengurusan universiti, sekali lagi saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua alumni yang telah banyak menyumbang kepada universiti. Hanya Allah yang boleh membalas jasa alumni semua.

Sekian, terima kasih.
Wassalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh.

# SIDANG REDAKSI

## DR. ROSLAN JA'AFAR

Pengarah
Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM)



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Para alumni dan seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Majalah Senadi bilangan ke- 26 berjaya diterbitkan dengan bantuan daripada semua pihak terutamanya para alumni, fakulti dan kolej kediaman.

Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) mempunyai mandat yang besar dalam memastikan hubungan yang erat antara Alumni dan UKM terus diperkasa. Pada 31 Mei 2023 yang lalu, di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pelan Strategik HEPA UKM 2023-2026 telah dilancarkan. Melalui Pelan Strategik ini, Pusat Perhubungan Alumni telah menggariskan 4 strategi utama iaitu Strategi Keterlibatan dan jaringan alumni, strategi pembangunan pelajar dan graduan, Strategi Budaya Filatropi Alumni dan Strategi pemantapan jati diri UKM.

Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang bagi memastikan hala tuju pelan strategik dapat direalisasikan. Antaranya adalah Jejak Alumni, *Alumni Special Group (SAG), Alumni@industri,* Borak Alumni, alumni aktif dan *alumni-care.* Selain daripada itu, Kompleks Alumni telah beroperasi sepenuhnya dan akan menjadi pusat buat para alumni berjumpa dan mengerat ukhwah antara alumni.

Dalam memperkasa penyampaian maklumat kepada para alumni, ALUMNI-UKM juga terus mengemaskini data alumni. Sehubungan dengan itu, saya menyeru para alumni untuk mengemaskini data peribadi melalui Sistem Maklumat Alumni UKM (SMA) bagi memastikan proses mengemaskini data alumni dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan tersusun. Data alumni yang lengkap kelak akan membolehkan pihak ALUMNI-UKM menyalurkan maklumat terkini secara terus kepada semua.

Akhir kata, saya berharap agar para alumni terus bersemangat untuk bersama-sama dengan barisan pentadbiran universiti dalam memastikan UKM terus unggul di persada antarabangsa.

Indah UKM penuh memori
Tidak dibuang, lekat dihati
Kesetiaan alumni amat dihargai
Kepulangan anda sentiasa dinanti

# ISI KANDUNGAN

1
BENTENG DIGITAL: MENANGANI ANCAMAN SIBER DEMI KESELAMATAN MASA HADAPAN

5
CEGAH BULI SIBER, LINDUNGI MASYARAKAT

7
PENGHASILAN VARIETI PADI UKM UNTUK KEPERLUAN PETANI, MASYARAKAT DAN NEGARA

9
KEGAGALAN PERMULAAN KEPADA TITIK KEJAYAAN

11
INFO UKM

14
AKTIVITI PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI

31
AKTIVITI/ PROGRAM DI PTJ/ FAKULTI/ KOLEJ/INSTITUT/ PERSATUAN

32
TAHNIAH ALUMNI UKM

33
TAKZIAH ALUMNI UKM

34
SUMBER KEWANGAN LESTARI (PENJANAAN)









# BENTENG DIGITAL: MENANGANI ANCAMAN SIBER DEMI KESELAMATAN MASA HADAPAN

Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc
(FTSM 1999)



Dalam evolusi era digital yang dinamik ini, keselamatan siber menjadi tonggak utama bagi melindungi sistem dan rangkaian daripada ancaman digital yang semakin kompleks. Serangan siber bukan sahaja berpotensi mengakses, mengubah, atau memusnahkan maklumat sensitif, tetapi juga memeras wang daripada pengguna serta mengganggu operasi perniagaan.

## Ancaman Siber Terkini

Keselamatan siber adalah kunci untuk melindungi maklumat sensitif seperti data peribadi, kewangan, dan maklumat sulit lain yang sangat berharga. Pencerobohan terhadap maklumat ini boleh membawa kepada kerugian kewangan yang besar serta merosakkan reputasi. Contoh paling nyata adalah kecurian identiti, di mana maklumat peribadi seperti nama, alamat, nombor kad pengenalan, dan butiran kewangan digunakan untuk tujuan jenayah.

Dalam tempoh Januari hingga Mei 2024, Pusat Tindakbalas Insiden Siber-Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia telah merekodkan sebanyak 2,518 insiden keselamatan siber, di mana penipuan dalam talian (fraud) kekal di tangga teratas dengan 1,646 insiden.

Manakala ancaman siber lain turut membimbangkan, antaranya serangan ransomware, serangan DDoS (Distributed Denial of Service), pencerobohan data, serangan phishing, dan malware. Setiap jenis serangan ini mempunyai kesan yang berbeza terhadap organisasi dan individu, termasuklah penyerang siber yang sentiasa memperbaharui teknik mereka untuk mengatasi langkah-langkah keselamatan yang ada.

> **"keselamatan siber menjadi tonggak utama bagi melindungi sistem dan rangkaian daripada ancaman digital yang semakin kompleks".**

## Inisiatif dan Usaha CyberSecurity Malaysia

Justeru, dalam hal ini CyberSecurity Malaysia memainkan peranan penting dalam memperkasakan keselamatan siber negara melalui pelbagai perkhidmatan, program, dan inisiatif yang berinovatif. Antara langkah yang diambil termasuklah pemantauan berterusan terhadap ancaman siber melalui pusat operasi keselamatan siber (SOC) yang menggunakan teknologi canggih untuk mengesan dan memberi tindak balas terhadap aktiviti mencurigakan.

Selain itu, CyberSecurity Malaysia juga telah mengambil pelbagai langkah proaktif dengan mengadakan kempen kesedaran dan latihan bagi meningkatkan keupayaan dan pengetahuan keselamatan siber di kalangan orang awam serta organisasi seperti mengadakan Sambutan Hari Keselamatan Internet, Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan dan pembudayaan keselamatan dalam talian melalui pendidikan tentang Etika Siber Nasional.

Mereka menyediakan sumber pendidikan dan bengkel untuk mendidik masyarakat tentang amalan keselamatan terbaik bagi mengelakkan diri dari menjadi mangsa jenayah siber.

Untuk memperluaskan jangkauan dan mendapat sokongan global, CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan pelbagai agensi keselamatan siber antarabangsa dan organisasi bagi berkongsi maklumat mengenai ancaman terkini dan strategi mitigasi. Ini termasuk pertukaran maklumat mengenai indikator ancaman dan taktik penyerang.

Revolusi teknologi digital yang pesat seperti Pengkomputeran Awan, Internet Pelbagai Benda (IoT), Blockchain (BC), Data Besar (Big Data), Kecerdasan Buatan (AI), dan Pembelajaran Mesin (ML), telah diterima pakai oleh organisasi sebagai sebahagian daripada usaha transformasi mereka. Namun, penggunaan teknologi yang tinggi ini juga mendedahkan pengguna kepada pelbagai risiko ancaman siber.

## Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Sebagai Pengguna Siber

Kini, pengguna bukan sahaja perlu memahami cara untuk memanfaatkan teknologi, tetapi juga memastikan teknologi tersebut digunakan secara positif, selamat dan bertanggungjawab. Hal ini kerana, penjenayah siber turut menggunakan teknologi canggih untuk melakukan jenayah, menggantikan kaedah tradisional.

Sebagai warga digital, kita harus bertanggungjawab melindungi diri sendiri dan orang lain daripada ancaman siber yang kian berleluasa. Sikap kawal kendiri dan kesedaran mengenai keselamatan siber adalah aspek kewarganegaraan digital yang perlu diamalkan oleh setiap individu. Tiada negara atau organisasi yang mampu menghadapi ancaman siber secara sendirian.

Kerjasama keselamatan siber dan kepercayaan digital yang melibatkan pihak industri amatlah dialu-alukan dan perlu dijalankan secara berterusan. CyberSecurity Malaysia telah menjalin kerjasama dengan 24 kementerian dan lebih 200 agensi serta syarikat GLC, selain hubungan antarabangsa dengan organisasi seperti Organisation of The Islamic Cooperation Computer Emergency Response Team (OIC-CERT) dan Asia Pacific Computer Emergency Response Teams (APCERT).

Keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan usaha bersepadu daripada semua pihak termasuk sektor awam, industri, akademia, mahupun masyarakat umum. Dengan kerjasama yang kukuh, kita mampu membina benteng pertahanan yang teguh untuk melindungi negara daripada ancaman siber yang semakin kompleks dan berbahaya.



# DIGITAL DEFENSE: ADDRESSING CYBER THREATS FOR FUTURE SECURITY

Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc

(FTSM 1999)

In the evolution of this dynamic digital era, cybersecurity has become a fundamental aspect of protecting systems and networks from increasingly complex digital threats. Cyberattacks have the potential to access, alter, or destroy sensitive information, extort money from users, and disrupt business operations.

## Curent Cyber Threats

Cybersecurity is crucial for protecting sensitive information such as personal data, financial records, and other highly valuable confidential information. Breaches of this information can lead to significant financial losses and damage to reputation. A prime example is identity theft, where personal information like names, addresses, identification numbers, and financial details are used for criminal purposes.



Between January and May 2024, the Cyber999—Cyber Incident Response Center, which is managed by CyberSecurity Malaysia, documented 2,518 cybersecurity incidents. Online fraud remained the most prevalent, accounting for 1,646 incidents.

Other cyber threats are equally concerning, including ransomware attacks, DDoS (Distributed Denial of Service) attacks, data breaches, phishing attacks, and malware. Each type of attack impacts organizations and individuals differently, with cybercriminals continually updating their techniques to overcome existing security measures.

> **"Cybersecurity has become a fundamental aspect of protecting systems and networks from increasingly complex digital threats".**

# CyberSecurity Malaysia's initiatives and efforts

Therefore, CyberSecurity Malaysia is crucial in enhancing the nation's cybersecurity through various innovative services, programs, and initiatives. Among the measures taken is continuous monitoring of cyber threats through the Security Operations Center (SOC), which employs advanced technology to detect and respond to suspicious activities.

Additionally, CyberSecurity Malaysia has taken various proactive steps by organizing awareness campaigns and training programs to enhance cybersecurity capabilities and knowledge among the public and organizations. These efforts include hosting Internet Safety Day, the National Anti-Scam Roadshow, and promoting online security culture through education on the National Cyber Ethics.

They provide educational resources and workshops to educate the community about best security practices to prevent becoming victims of cybercrime.

To expand its reach and gain global support, CyberSecurity Malaysia collaborates with various international cybersecurity agencies and organizations to share information on the latest threats and mitigation strategies. This includes exchanging information on threat indicators and attack tactics.

The rapid evolution of digital technologies such as Cloud Computing, the Internet of Things (IoT), Blockchain (BC), Big Data, Artificial Intelligence (AI), and Machine Learning (ML) has been adopted by organizations as part of their transformation efforts. However, the extensive use of these technologies also exposes users to various cybersecurity risks.

# Measures for Cyber Users to Enhance Security

Nowadays, it's essential for users to not only understand how to utilize technology but also to ensure its use is positive, safe, and responsible. This is vital because cybercriminals are employing advanced technology to carry out crimes, moving away from traditional methods.

As digital citizens, we must take responsibility for protecting ourselves and others from the growing cyber threats. Self-regulation and awareness of cybersecurity are essential aspects of digital citizenship that everyone should practice. No country or organization can face cyber threats alone.

Collaboration in cybersecurity and digital trust involving industry stakeholders is highly encouraged and must be ongoing. CyberSecurity Malaysia has established partnerships with 24 ministries, over 200 agencies and government-linked companies (GLCs), as well as international connections with organizations such as the Organisation of Islamic Cooperation Computer Emergency Response Team (OIC-CERT) and the Asia Pacific Computer Emergency Response Teams (APCERT).

Cybersecurity is a shared responsibility that requires a concerted effort from all sectors, including the public sector, industry, academia, and the general public. Through strong collaboration, we can build a resilient defense to protect the nation from increasingly complex and dangerous cyber threats.



Jenayah buli dalam talian merupakan isu serius yang semakin diberi perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kesedaran terhadap isu ini merupakan satu perkembangan yang baik kerana kegagalan membendung buli siber boleh membawa impak negatif yang sangat serius kepada negara. Walaupun belum ada takrifan khusus mengenai buli siber dalam mana-mana undang-undang Malaysia, perbuatan tersebut boleh didefinisikan sebagai satu bentuk tindakan yang melibatkan penulisan, pengeluaran kata-kata menghina, memperlekehkan, memalukan, dan menakut-nakutkan seseorang individu secara keterlaluan dalam talian, seperti di media sosial. Buli siber tidak memberi kesan secara langsung kepada tubuh mangsa, tetapi mangsa lebih terkesan dari segi mental dan emosi, yang boleh membawa kepada kes-kes kemurungan, bunuh diri, dan sebagainya. Baru-baru ini, Malaysia dikejutkan dengan kes bunuh diri oleh seorang pempengaruh di platform TikTok akibat dibuli secara dalam talian. Walaupun ia bukan kes pertama di Malaysia, perbuatan membunuh diri akibat buli siber tidak boleh dipandang remeh.

Dari segi konteks demografi mangsa, belum ada bukti yang menunjukkan jenayah ini menyasarkan kelompok umur tertentu; malah, sesiapa sahaja yang menggunakan media sosial berpotensi tinggi untuk menjadi mangsa buli siber. Perbuatan membuli seseorang dalam talian tidak boleh dijadikan sebagai budaya normal dalam kalangan masyarakat kerana impaknya adalah lebih serius. Sebagai contoh, remaja yang menjadi mangsa buli siber boleh merasa tertekan, cemas, rendah diri, dan mungkin kehilangan minat dalam pelajaran. Ini boleh mengakibatkan mereka mengasingkan diri daripada rakan-rakan, yang seterusnya menjejaskan prestasi akademik dan masa depan mereka.

**"Jenayah buli dalam talian merupakan isu serius yang semakin diberi perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia.".**




Pempengaruh maut: Mangsa pernah tampil minta tolong

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA Follow
08 Julai 2024 05:21pm Masa membaca: 4 minit



Laporan Sinar Harian. David Marshel (kanan).

--penganalisis

**LAPORAN SINAR HARIAN**
8 JULAI 2024



# CEGAH BULI SIBER, LINDUNGI MASYARAKAT

**Dr. Muhammad Adnan Pitchan**
(FSSK 2010 & 2013)

Buat masa ini, Malaysia belum mempunyai undang-undang khusus mengenai buli siber. Walau bagaimanapun, kita boleh melihat keseriusan kerajaan dalam usaha menggubal akta baharu berkaitan buli siber. Baru-baru ini, Menteri Komunikasi, Yang Berhormat Fahmi Fadzil telah memberi jaminan bahawa kementerian akan meneliti keperluan menggubal undang-undang bagi menangani jenayah buli siber. Pengguna internet perlu ingat bahawa perbuatan membuli seseorang dalam talian masih boleh dikenakan tindakan melalui undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di bawah Seksyen 233, yang melarang penyalahgunaan kemudahan rangkaian internet dengan membuat, menghantar apa-apa komen, permintaan, komunikasi lucah, palsu, sumbang, atau mengancam. Sekiranya sabit kesalahan di bawah seksyen ini, mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM 50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya..

Penyelesaian terhadap jenayah buli siber memerlukan usaha yang berterusan dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Ini termasuk masyarakat umum, pihak berkuasa, dan penyedia platform digital. Orang ramai perlu memainkan peranan aktif dalam meningkatkan kesedaran mengenai bahaya buli siber dan harus bersedia memberikan sokongan kepada mangsa. Kesedaran yang meluas mengenai bahaya buli siber adalah kunci untuk meminimumkan kejadian buli siber. Masyarakat yang prihatin, undang-undang yang ketat, dan komitmen daripada penyedia platform digital akan memastikan bahawa pengguna internet di Malaysia dapat dilindungi dengan lebih baik daripada ancaman jenayah ini.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
4 QUALITY EDUCATION



> "Varieti padi yang diperkaya dengan nutrien seperti zat besi dan zink membantu mengatasi masalah kekurangan nutrisi dalam kalangan masyarakat".

Nasi merupakan makanan ruji penduduk Malaysia dan menjadi sumber pendapatan utama bagi sesetengah penduduk. Oleh itu, penghasilan varieti padi yang berkualiti tinggi sangat penting untuk memenuhi keperluan petani, masyarakat, dan negara. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) antara universiti penyelidikan di Malaysia yang turut menghasilkan varieti padi melalui usaha para pembiakbaka dan penyelidik. Program pembiakbakaan untuk penghasilan varieti padi baru di UKM tertumpu kepada ciri hasil tinggi, tahan penyakit, berkualiti dan tinggi kandungan nutrien, dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim *(climate resilient)*.

Umum mengetahui petani memerlukan varieti padi yang dapat menghasilkan hasil yang tinggi bagi memastikan pendapatan mereka mencukupi. Varieti padi UKM iaitu UKMRC-2 dan UKMRC-8, telah terbukti memberi hasil tuaian yang tinggi dan membantu menambah pendapatan petani. Kini, lebih banyak titisan padi hasil pembiakbakaan telah dihasilkan dan berpotensi untuk diisytiharkan sebagai varieti baru dan dikomersialkan untuk ditanam di seluruh Malaysia.

## Padi tahan kemarau, banjir, kemasinan dan penyakit

Perubahan iklim semakin dapat dirasai dan telah memberi kesan yang buruk kepada sektor pertanian. Padi yang merupakan tumbuhan semiakuatik sangat rentan terhadap kekurangan air dan pada masa yang sama sangat rentan terhadap penenggelaman (banjir). Melalui pembiakbakaan berbantu penanda molekul, kacukan antara varieti padi Malaysia yang rentan kemarau dengan beberapa induk tahan kemarau telah dijalankan dan berjaya menghasilkan beberapa titisan padi yang terbukti tahan kemarau. Pengurusan air merupakan cabaran utama petani, terutama di kawasan luar jelapang padi yang tiada sistem pengairan yang baik. Penghasilan padi yang tahan kemarau mengurangkan kebergantungan petani kepada sistem pengairan dan menjimatkan kos. Padi tahan kemarau yang telah dihasilkan kemudiannya dikacukkan pula dengan varieti padi tahan banjir, IR64-Sub1 yang telah dihasilkan oleh International Rice Research Institute (IRRI) untuk menambah ciri tahan banjir kepada padi tahan kemarau sedia ada.

Namun, usaha tidak terhenti setakat itu sahaja. Pembiakbaka sedang dalam usaha untuk menambah ciri tahan kemasinan kepada padi yang telah dihasilkan sebagai usaha untuk mengelakkan kesan kemasukan

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
4 QUALITY EDUCATION
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
15 LIFE ON LAND

# PENGHASILAN VARIETI PADI UKM UNTUK KEPERLUAN PETANI, MASYARAKAT DAN NEGARA

Dr. Mohd Ikmal Asmuni

(FST 2016 & 2020)







air masin ke sawah padi yang akan memberi impak negatif kepada pertumbuhan dan hasil padi. Satu lagi masalah yang menjadi kegusaran petani ialah penyebaran penyakit, yang kekerapan dan kejadiannya juga dipengaruhi perubahan iklim. Untuk memastikan hasil tidak terjejas, padi yang dihasilkan perlulah diuji kerintangannya kepada beberapa penyakit padi utama di Malaysia yang disebabkan oleh kulat dan bakteria. Padi yang mempunyai tahap kerintangan yang tinggi kepada penyakit boleh membantu petani mengurangkan kerugian dan kos penggunaan racun penyakit dan seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan bahan kimia yang berbahaya.

## Padi Berkualiti dan Tinggi Kandungan Nutrien

Disebabkan tahap kesedaran penjagaan kesihatan yang semakin meningkat, masyarakat mula beralih kepada beras yang berkualiti tinggi dan lebih sihat seperti beras Basmati dan Jasmine. Namun, kebergantungan kepada beras import dari India, Pakistan dan Thailand tersebut boleh memberikan kesan buruk seandainya negara-negara tersebut bertindak menghentikan eksport. Oleh yang demikian, pembiakbaka sedang dalam usaha untuk menghasilkan titisan padi yang setanding Basmati dan Jasmine dari segi ciri tekstur, rasa, aroma, dan boleh memberi hasil yang tinggi jika ditanam di Malaysia. Varieti padi wangi dan berkualiti ini mempunyai permintaan yang tinggi dan boleh memberi pulangan yang lumayan kepada petani yang kebanyakannya masih dalam golongan B40.

Melalui kerjasama dengan IRRI, beberapa varieti padi yang berpotensi untuk dijadikan induk penderma telah dikenalpasti untuk meningkatkan kandungan nutrien dalam beras dengan kaedah biofortifikasi. Biofortifikasi ialah kaedah yang diguna pakai untuk meningkatkan ketersediaan nutrien dalam bijirin melalui kaedah pembiakbakaan berbanding kaedah fortifikasi yang dilakukan dengan meletakkan bahan tambahan semasa pemprosesan makanan. Varieti padi yang diperkaya dengan nutrien seperti zat besi dan zink membantu mengatasi masalah kekurangan nutrisi dalam kalangan masyarakat, terutamanya di kawasan pedalaman. Usaha yang dijalankan ini adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan *(Sustainable Development Goals)* yang kedua (kelaparan sifar) dan ketiga (kesihatan yang baik dan kesejahteraan)

## Padi UKM untuk keterjaminan makanan dan kegemilangan negara

Dengan penghasilan varieti padi yang berhasil tinggi dan memenuhi keperluan masyarakat, negara dapat mengurangkan kebergantungan kepada import beras. Penghasilan padi yang mencukupi adalah kunci kepada keterjaminan makanan negara. Usaha ini adalah penting bagi memastikan negara mempunyai stok beras yang mencukupi dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan atau bencana alam. Penghasilan varieti padi yang memenuhi keperluan petani, masyarakat, dan negara adalah penting dalam memastikan kelestarian sektor pertanian dan keterjaminan makanan. Melalui usaha penyelidikan dan inovasi yang berterusan, varieti padi yang lebih baik dapat dihasilkan, membawa manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Semoga penyelidikan pembiakbakaan padi di UKM terus memacu kegemilangan negara.

# KEGAGALAN PERMULAAN KEPADA TITIK KEJAYAAN

Encik Mohd Sabri Leman

(FEP 2016)

## LATAR BELAKANG

Mohammad Sabri bin Leman, berasal dari Gemas, Palong, Negeri Sembilan, adalah seorang usahawan yang gigih dan bercita-cita tinggi. Pada tahun 2013, beliau diterima masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk melanjutkan pelajaran dalam program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi. Menariknya, beliau merupakan antara kumpulan pelajar pertama di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) yang mengikuti kursus tersebut. Sejak awal pengajian, Mohammad Sabri telah menetapkan matlamat yang jelas: beliau mahu memiliki perniagaan sendiri tanpa bergantung kepada pekerjaan makan gaji. Keinginan untuk mengubah kehidupan orang lain dengan menjadi majikan mendorong beliau untuk memulakan perniagaan. Pada tahun kedua pengajiannya, beliau berjaya membuka kedai MSVK Enterprise di Pusanika, yang menawarkan perkhidmatan pencetakan baju, cenderamata, dan penyewaan kereta. Namun, setelah beberapa lama, beliau menyedari bahawa sebagai agen dalam bidang percetakan, peluang untuk berkembang adalah terhad. Isterinya mencadangkan agar beliau membuka kedai percetakan sendiri, yang menjadi titik permulaan bagi penubuhan Light Green Enterprise. Dari situ, beliau belajar bahawa jaringan (networking) adalah elemen penting yang harus dibina semasa di universiti, bukan selepas tamat pengajian, kerana ia mencerminkan kecerdikan seseorang dalam merancang masa depan. Selain itu, Mohammad Sabri juga aktif dalam kegiatan universiti. Pada tahun 2015, beliau dilantik sebagai Pengarah Karnival Konvokesyen UKM yang ke-43. Dalam peranan ini, beliau memperkenalkan beberapa inovasi, termasuk penjenamaan semula "Pesta Konvokesyen" kepada "Karnival Konvokesyen" yang kini dikenali sebagai KarKon, serta memperkenalkan idea perkhidmatan bas ulang-alik (shuttle bus) untuk memudahkan pergerakan pengunjung. Bagi Mohammad Sabri, pengubahsuaian dan inovasi di universiti bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, tetapi juga membuka mata pihak atasan terhadap potensi idea-idea baru yang datang dari golongan bawahan. Ia membuktikan bahawa perubahan yang bermakna boleh dicapai dengan keberanian untuk mencuba dan inovasi.

## CABARAN DALAM PERNIAGAAN

Mengorak langkah dalam dunia perniagaan memerlukan pengorbanan, terutama dari segi masa yang sepatutnya diluangkan bersama keluarga. Sebagai seorang usahawan, beliau sedar bahawa walaupun memiliki kebebasan untuk bercuti bila-bila masa, ada harga yang perlu dibayar iaitu kerugian dalam jualan. Pengalaman paling mencabar dalam perjalanan perniagaannya berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Beliau mengalami kerugian hampir setengah juta ringgit dalam perniagaan sarung tangan dan menjadi mangsa penipuan dalam perniagaan topeng muka. Ini adalah antara pengalaman perniagaan paling buruk yang pernah beliau lalui. Perniagaan bukanlah sekadar menikmati kejayaan; ia penuh dengan cabaran dan dugaan. Sepanjang perjalanan ini, beliau berhadapan dengan fitnah dan usaha dari pihak yang cuba menjatuhkannya. Namun, beliau selalu bermuhasabah diri dan berpesan kepada dirinya sendiri bahawa dalam setiap keadaan, baik atau buruk, beliau perlu hadapinya dengan tenang dan tabah. Kecemburuan dari orang lain adalah lumrah, terutama apabila perniagaan yang beliau bangunkan sejak tahun 2017 masih mampu bertahan walaupun ketika PKP, sedangkan ramai peniaga lain terpaksa gulung tikar. Beliau percaya bahawa apabila niat seseorang itu baik, Tuhan akan membalasnya dengan kebaikan juga. Prinsip ini sentiasa beliau pegang, dan beliau bersyukur kerana tidak pernah menghadapi kesukaran dalam membayar gaji pekerjanya, walaupun dalam keadaan yang mencabar. Dalam dunia perniagaan, sifat dengki adalah sesuatu yang harus dielakkan. Beliau telah menerima pelbagai bentuk penganiayaan, tetapi beliau menyedari bahawa ini adalah sebahagian daripada risiko yang perlu dihadapi dalam bidangnya. Beliau juga percaya bahawa dunia ini bulat—apa yang dilakukan akan kembali kepada pelakunya. Oleh itu, beliau sentiasa berusaha untuk bersikap adil dan redha dengan segala ketentuan, yakin bahawa Allah akan sentiasa memelihara orang yang berbuat baik.

## BERKONGSI CERITA KEJAYAAN ATAU PENCAPAIAN PENTING

Dalam dunia perniagaan, setiap usahawan pasti mempunyai Indeks Prestasi Utama (KPI) tersendiri. Bagi beliau, salah satu pencapaian terbesar yang pernah dicapai adalah apabila diberi tanggungjawab untuk menghasilkan baju dan topeng muka bagi Tuanku Johor. Tugas ini diberikan selepas PKP, sempena lawatan Tuanku ke seluruh Johor. Beliau diberi kepercayaan untuk menghantar produk tersebut terus ke rumah persinggahan Tuanku. Saat keretanya melintasi pintu pagar rumah persinggahan tersebut, ia menjadi detik yang istimewa dan sangat bermakna. Bukan semua orang berpeluang merasai pengalaman sebegini, dan bagi beliau, ini adalah pencapaian yang luar biasa. Mendapat kepercayaan untuk bekerja dengan Tuanku sendiri adalah sesuatu yang luar biasa, dan beliau merasa



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
4 QUALITY EDUCATION
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE

amat bangga kerana reka bentuk baju tersebut dihasilkan oleh pereka dari syarikatnya sendiri. Beliau melihat pencapaian ini sebagai satu kebanggaan besar bagi Syarikat Light Green, kerana ia membuktikan kemampuan syarikat untuk bersaing dengan syarikat-syarikat besar lain di luar sana. Detik ini bukan sahaja menjadi tanda kejayaan peribadi beliau, tetapi juga sebagai satu pengiktirafan terhadap kualiti dan inovasi yang dibawakan oleh syarikatnya.

## NASIHAT KEPADA PELAJAR UKM YANG INGIN MEMULAKAN PERNIAGAAN

Dalam era teknologi yang semakin canggih, pelajar masa kini berbeza dengan generasi sebelumnya. Dalam pengalaman beliau, satu nasihat penting kepada para pelajar adalah untuk mencabar diri melakukan sesuatu yang berbeza. Melangkah ke alam pekerjaan memerlukan kesediaan untuk menerima teguran dengan hati yang terbuka, kerana teguran tersebut adalah kunci untuk mempersiapkan diri dalam memulakan perniagaan. Beliau juga mengingatkan bahawa persaingan dengan warga asing yang semakin ramai memerlukan kita untuk sentiasa berada di hadapan. Dalam pandangannya, melakukan yang terbaik bukan hanya bermakna cemerlang dalam akademik dan teori, tetapi juga dalam aspek praktikal. Beliau menekankan pentingnya mengasah kemampuan untuk melakukan pelbagai tugas dan berfikir di luar kotak, kerana dunia universiti adalah persediaan menyeluruh untuk cabaran sebenar di luar sana.

## RANCANGAN PERNIAGAAN MASA DEPAN

Setiap usahawan pasti mengimpikan untuk mencipta sesuatu yang "wow" dalam perniagaan mereka. Begitu juga dengan Light Green, sebuah syarikat percetakan yang kini sedang merancang untuk menjadi syarikat percetakan bumiputera Melayu yang mampu bersaing dengan warga asing. Beliau menyedari bahawa apabila mendengar tentang kedai percetakan, kebanyakan orang cenderung membayangkan ia dimonopoli oleh warga asing. Namun, beliau bertekad untuk mengubah persepsi ini, dengan menunjukkan bahawa industri percetakan juga boleh dikuasai oleh bangsa kita sendiri. Menurutnya, menjalankan perniagaan di tanah air sendiri sepatutnya menjadi keutamaan, kerana apabila kita memberikan peluang kepada warga asing, ia akan menghalang pertumbuhan ekonomi negara. Beliau juga menekankan bahawa sokongan daripada kerajaan terhadap idea dan rancangan industri tempatan adalah penting. Dengan kerjasama yang kukuh, perancangannya adalah untuk menjadikan Light Green sebagai jenama yang dikenali di setiap negeri di Malaysia. Setakat ini, Light Green berjaya membina hubungan dengan lapan universiti awam, dan beliau berhasrat untuk menambah lagi bilangan universiti ini bagi meningkatkan jualan. Selain itu, Light Green juga merancang untuk meluaskan jangkauan produk mereka dengan memanfaatkan platform Tiktok dan laman web, menawarkan produk siap sedia yang mudah diakses oleh pelanggan. Matlamat beliau jelas: mengangkat Light Green menjadi peneraju dalam industri percetakan tempatan, sekaligus mengukuhkan kedudukan perniagaan bumiputera dalam pasaran.

## SIFAT YANG PERLU ADA UNTUK BERJAYA

Dalam bidang perniagaan, sifat yang paling penting untuk mencapai kejayaan adalah azam yang kuat. Bagi beliau, gabungan antara ilmu praktikal dan akademik sangatlah penting, dan pelajar perlu bijak menyeimbangkan kedua-dua aspek ini. Dalam menjalankan perniagaan, beliau menasihatkan agar tidak hanya mengikut jejak orang lain, tetapi berani untuk tampil dengan idea-idea yang berbeza dan unik. Di mata beliau, azam, idea, dan modal adalah tiga elemen utama yang menjadi tunjang dalam memulakan perniagaan. Meskipun telah menamatkan pengajian, beliau masih aktif sebagai vendor dan terus menjalankan khidmat komuniti melalui kerjasama dengan Alumni-UKM. Beliau amat berterima kasih kepada Alumni-UKM yang telah menyediakan platform ini, dan berharap hubungan antara Alumni UKM dan Pusat Perhubungan Alumni akan menjadi titik permulaan untuk lebih banyak sumbangan daripada alumni kepada alumni. Bagi beliau, inilah cara terbaik untuk membina jaringan yang kukuh dan memberi kembali kepada komuniti. "Thank you," ucapnya dengan penuh penghargaan.



**“belajarlah untuk sentiasa menerima teguran dengan hati terbuka kerana ia akan membantu untuk menyediakan diri untuk memulakan perniagaan”.**




## FAKULTI UNDANG-UNDANG UKM JUARA JESSUP MOOT 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

***UKM LAW FACULTY WINS JESSUP MOOT 2024 NATIONAL ROUND***

25.3.2024

Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dinobatkan juara Pertandingan Philip C Jessup International Law Moot Court Competition 2024 peringkat kebangsaan.

*The Faculty of Law at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has been named the national champions of the 2024 Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition.*

## DEBAT BAHASA ARAB ANTARABANGSA, UKM DI KEDUDUKAN KE-4 DUNIA

***UKM RANKED 4TH PLACE FOR INTERNATIONAL ARABIC DEBATE***

4.6.2024

Pasukan Debat Bahasa Arab Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada di kedudukan ke-4 dunia dalam pertandingan *International Universities Arabic Debating Championship* (IUDC7) yang diadakan di Doha, Qatar.

*The Arabic Debate Team from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has achieved a prestigious 4th place ranking in the world at the 7th International Universities Arabic Debating Championship (IUDC7) held in Doha, Qatar.*




## RAJA MUDA SELANGOR LANCAR PERMATA@PINTAR ANTARABANGSA

***THE CROWN PRINCE OF SELANGOR LAUNCHES THE PERMATA@PINTAR INTERNATIONAL PROGRAM***

24.4.2024



Raja Muda Selangor, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan melancarkan program PERMATA@Pintar Antarabangsa dalam usaha mengembangkan penawaran program pendidikan pintar dan berbakat kepada pelajar antarabangsa.

*The Crown Prince of Selangor, His Royal Highness Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, graciously inaugurated the PERMATA@Pintar International program. This initiative aims to expand the offering of gifted and talented education programs to international students.*

## UKM MELONJAK KE KEDUDUKAN KE-138 DUNIA

***UKM RISES TO 138TH PLACE IN WORLD RANKINGS***

5.6.2024

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terus berdiri megah di persada dunia apabila melonjak ke kedudukan ke-138 dalam QS World University Rankings (QS WUR) 2025, yang diumumkan hari ini. Kejayaan itu meletakkan UKM kini berada di kedudukan ke-2 terbaik antara universiti awam dan universiti swasta di Malaysia.

*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) proudly ascends to the 138th position in the QS World University Rankings (QS WUR) 2025, as announced today. This significant achievement positions UKM as the second-highest ranked institution among both public and private universities in Malaysia.*




## PDRM SUMBANG DANA RM1.2 JUTA KEPADA UKM, JALIN KERJASAMA BANTERAS JENAYAH NARKOTIK

***PDRM DONATES RM1.2 MILLION TO UKM, ESTABLISHES COLLABORATION TO COMBAT NARCOTICS CRIME***

10.1.2024




Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi sumbangan dana sebanyak RM1.2 juta kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menjalin kerjasama strategik dalam membanteras ancaman dadah dan bahan psikoaktif baharu (NPS) di Malaysia.

*The Royal Malaysia Police (PDRM) has donated RM1.2 million to Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) to establish a strategic partnership in combating the threat of drugs and new psychoactive substances (NPS) in Malaysia.*

## HEPA LANCAR KEMPEN SIFAR ADUAN, KURANGKAN ISU KEROSAKAN KEMUDAHAN ASAS KOLEJ KEDIAMAN

***HEPA LAUNCHES ZERO COMPLAINTS CAMPAIGN TO REDUCE BASIC FACILITY ISSUES IN RESIDENTIAL COLLEGES***

6.2.2024

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Mohd Suzeren Md Jamil melancarkan Kempen Sifar Aduan Kemudahan Asas Kolej-Kolej Kedaman UKM bagi mengurangkan isu kerosakan kemudahan asas di kolej kediaman.

*The Deputy Vice-Chancellor of Student Affairs and Alumni, Associate Professor Dr. Mohd Suzeren Md Jamil, has launched the Zero Complaints Campaign for Basic Facilities in UKM's Residential Colleges. This initiative aims to address and reduce issues related to the deterioration of essential facilities in the residential colleges.*





## ALUMNI UKM DISARAN BERI SUMBANGAN UNTUK TABUNG ALUMNI

***UKM ALUMNI ENCOURAGED TO CONTRIBUTE TO THE ALUMNI FUND***

11.3.2024

Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) disaran untuk membuat potongan gaji untuk tabung alumni bagi membantu membantu proses pembangunan Kompleks Alumni dan kebajikan pelajar. Pengerusi Lembaga Pegarah UKM, Prof. Emeritus Dato' Dr Mohamad Abd Razak berkata beliau amat berbangga melihat para alumni dapat menabur bakti semula ke alma mater dan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan universiti watan ini.

*Alumni of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) are encouraged to make salary deductions for the alumni fund to support the development of the Alumni Complex and student welfare. The Chairman of the UKM Board of Directors, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd Razak, expressed pride in seeing alumni give back to their alma mater and play a crucial role in advancing the university.*

## PERDANA MENTERI RASMIKAN KAMPUS UKM QATAR

***PRIME MINISTER INAUGURATES UKM QATAR CAMPUS***

14.5.2024

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, hari ini merasmikan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha, Qatar. Perdana Menteri dalam satu hantaran di media sosial memaklumkan bahawa pembukaan bersejarah Kampus UKM Qatar itu telah meletakkan status pengajian tinggi negara di pentas dunia.

*The Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, officially inaugurated the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) campus in Doha, Qatar, today. In a social media post, the Prime Minister highlighted that this historic opening of the UKM Qatar campus has elevated the country's higher education status on the global stage.*



Alumni Care




## ALUMNI CARE 7.0 REMAJA RELAX DAN RECHARGE

***ALUMNI CARE 7.0 TEENAGE RELAX AND RECHARGE***

13.1.2024

Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) dengan kerjasama Yayasan Ihsan Madani dan Adab Youth Garage telah mengadakan Program Alumni Care 7.0 Remaja Relax dan Recharge bersama Kaunselor Pelatih UKM pada 13 Januari 2024 bertempat di Adab Youth Garage Bangi. Program Alumni Care 7.0 Remaja Relax dan Recharge bersama Kaunselor Pelatih UKM adalah sebuah program kesedaran kesihatan mental yang dibina sebagai satu inisiatif bagi membantu para remaja mengatasi masalah kesejahteraan kesihatan mental dan emosi. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang isu kesihatan mental yang sering dialami remaja, kepentingan menjaga kesihatan mental dan memberi latihan tentang kemahiran asas dalam penjagaan kesihatan mental diri sendiri dan orang sekeliling berdasarkan modul kemahiran yang disediakan.

*The UKM Alumni Relations Centre (ALUMNI-UKM), in collaboration with Yayasan Ihsan Madani and Adab Youth Garage, organized the 'Alumni Care 7.0 Remaja Relax and Recharge Program' with UKM Counselor Coaches on January 13, 2024, at Adab Youth Garage Bangi. The Alumni Care 7.0 Remaja Relax and Recharge Program with UKM Counselor Coaches is a mental health awareness program designed as an initiative to assist teenagers in dealing with mental and emotional well-being issues. The program aims to provide exposure to common mental health issues faced by teenagers, emphasize the importance of maintaining mental health, and provide basic skills training in self-care and caring for others*



## ALUMNI CARE 8.0 BACK TO SCHOOL BERSAMA ALUMNI

***ALUMNI CARE 8.0 BACK TO SCHOOL WITH ALUMNI***

6.3.2024

Program Alumni Care 8.0 : Back To School Bersama Alumni di Pusanika UKM telah diadakan oleh Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) dengan kerjasama Jabatan Pendaftar dan My-Sutera Sdn. Bhd sempena pembukaan sesi persekolahan yang akan datang tidak lama lagi. Majlis penutup bagi Program Alumni Care 8.0 : Back To School Bersama Alumni telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor UKM. Turut hadir ialah YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UKM; YBhg. Dato' Dr. Syed Kamarudin Hj. Sadakkuthulla, Pendaftar UKM dan YBrs. Tuan Hj. Annas Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif My-Sutera Sdn Bhd.

*The UKM Alumni Relations Centre (ALUMNI-UKM), in collaboration with the Registrar's Office and My-Sutera Sdn. Bhd., organized the Alumni Care 8.0: Back To School with Alumni Program at Pusanika UKM with the upcoming school session starting soon. The closing ceremony for the Alumni Care 8.0: Back To School with Alumni Program was officiated by YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, the Vice-Chancellor of UKM. Also present were YBhg. Assoc. Prof. Dr. Mohd Suzeren Md Jamil, Deputy Vice-Chancellor of Student Affairs and Alumni UKM; YBhg. Dato' Dr. Syed Kamarudin Hj. Sadakkuthulla, Registrar of UKM; and YBrs. Tuan Hj. Annas Ahmad, Chief Executive Officer of My-Sutera Sdn Bhd.*



## ALUMNI CARE 9.0 EDISI RAMADAN MAJLIS IFTAR ALUMNI BERSAMA RUMAH BAKTI NUR AIN BANGI

***ALUMNI CARE 9.0 RAMADAN EDITION ALUMNI IFTAR GATHERING WITH RUMAH BAKTI NUR AIN BANGI***

18.3.2024

Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM) dengan kerjasama Syarikat Light Green Enterprise telah menjayakan Majlis Iftar Alumni bersama Rumah Bakti Nur Ain Bangi. Majlis dimulakan dengan bacaan yassin dan tahlil yang dipimpin oleh YBrs. Dr. Abu Dardaa bin Mohamad, Timbalan Pengarah Pusat Islam UKM. Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Roslan Ja'afar, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UKM. Turut hadir Encik Mohd Azli Mohd Kasirun, Bendahari UKM; YBrs. Prof. Madya Dr. Salleh Amat, Pengarah Pusat Pembangunan Karier UKM dan YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Bin Ab. Rahman, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB). Seramai 23 orang anak-anak yatim dan asnaf telah menerima sumbangan beg sekolah, baju raya dan duit raya daripada Pusat Perhubungan Alumni UKM dan Syarikat Light Green Enterprise.

*The Alumni Relations Centre (ALUMNI-UKM), in collaboration with Light Green Enterprise, successfully organized an Alumni Iftar Ceremony with Rumah Bakti Nur Ain Bangi. The event commenced with a reading of Yassin and Tahlil led by YBrs. Dr. Abu Dardaa bin Mohamad, Deputy Director of the UKM Islamic Centre. The ceremony was inaugurated by YBrs. Dr. Roslan Ja'afar, Director of the UKM Alumni Relations Centre. Also present were Mr. Mohd Azli Mohd Kasirun, Treasurer of UKM; Assoc. Prof. Dr. Salleh Amat, Director of the UKM Career Development Centre; and Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Bin Ab. Rahman, Dean of the Faculty of Engineering and Built Environment (FKAB). A total of 23 orphans and underprivileged children received contributions including school bags, festive clothing, and financial aid from the UKM Alumni Relations Centre and Light Green Enterprise during the event.*





## ALUMNI CARE 10.0 PROGRAM AGIHAN IFTAR KEPADA PELAJAR UKM

***ALUMNI CARE 10.0 IFTAR DISTRIBUTION PROGRAM FOR UKM STUDENTS***

18.3.2024 - 26.3.2024

Sebanyak 50 pek makanan iftar telah diagihkan kepada pelajar UKM di setiap Kolej Kediaman UKM. Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM) mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua penyumbang yang membantu dalam menjayakan Program Agihan Iftar kepada Pelajar UKM sempena bulan Ramadan yang mulia ini.

*The UKM Alumni Relations Centre distributed a total of 50 sets of iftar meals to UKM students at each residential college. Thanks are extended to all contributors who helped make the Iftar Distribution Program for UKM students a success during this blessed month of Ramadan.*



## ALUMNI CARE 11.0 SANTUN DAN SUMBANG SAHUR GELANDANGAN KUALA LUMPUR

***ALUMNI CARE 11.0 RESPECTFUL & SUHOOR CONTRIBUTION FOR THE HOMELESS, KUALA LUMPUR***

27.3.2024

Program Alumni Care 11.0: Santun & Sumbang Sahur Gelandangan telah diadakan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur pada 27 Mac 2024. Program bermula dengan upacara simbolik flag off di Dataran Canselori UKM pada jam 8.30 malam dan tamat pada jam 12.00 tengah malam. Program Alumni Care 11.0 ini melibatkan seramai 220 gelandangan disantuni dimana mereka menerima sumbangan berupa pek bakul makanan serta barang keperluan lain seperti pad wanita, ubat dan berus gigi. Seramai hampir 50 sukarelawan terlibat yang terdiri daripada alumni, warga UKM serta orang ramai.

*The UKM Alumni Relations Centre (ALUMNI-UKM) under the Alumni Care flagship organized the Alumni Care 11.0 Program: Respectful & Suhoor Contribution for the Homeless, held at the Kuala Lumpur Homeless Transit Centre and around Chow Kit, Kuala Lumpur on March 27, 2024. The program began with a symbolic FLAG OFF ceremony at the UKM Chancellor's Square at 8:30 PM and concluded at 12:00 AM Alumni Care 11.0 involved assisting 220 homeless individuals. They received contributions in the form of food packs and other essential items such as sanitary pads, medicine, and toothbrushes. Nearly 50 volunteers participated, including alumni, UKM staff, and members of the public.*



## ALUMNI CARE 12.0 PROGRAM INFAQ IHYA RAMADAN PEK MAKANAN IFTAR

***ALUMNI CARE 12.0 INFAQ IHYA RAMADAN AND IFTAR FOOD PACKS***

28.3.2024

Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) di bawah program flagship Alumni Care telah mengadakan Program Infaq Ihya Ramadan Pek Makanan Iftar. Program ini ialah sumbangan dari syarikat Ikhlas.com. Sebanyak 600 pek makanan iftar telah diagihkan kepada pelajar di 10 buah kolej kediaman kampus Bangi. Syarikat Ikhlas.com turut memberi 1 pakej penerbangan ke Langkawi dan 5 pakej diskaun Umrah sebanyak RM200 kepada pelajar UKM yang bertuah. Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UKM dan Encik Yusri Adam (GSB 2020), Commercial Sales Manager Ikhlas.com.

*The UKM Alumni Relations Centre (ALUMNI-UKM), under the flagship Alumni Care program, organized the Ihya Ramadan Iftar Food Pack Infaq Program. This initiative was sponsored by Ikhlas.com. A total of 600 iftar food packs were distributed to students in 10 residential colleges on the Bangi campus. Additionally, Ikhlas.com generously provided 1 flight package to Langkawi and 5 Umrah discount packages worth RM200 each to fortunate UKM students. Present at the event were Assoc. Prof. Dr. Mohd Suzeren Md Jamil, Deputy Vice-Chancellor of Student Affairs and Alumni UKM, and Mr. Yusri Adam (GSB 2020), Commercial Sales Manager of Ikhlas.com.*




## JEJAK ALUMNI @ LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

***JEJAK ALUMNI @ MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY (MIDA)***

8.1.2024

Jejak Alumni UKM bersama YBhg. Datuk Wira Arham Abdul Rahman (FE 1987) di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah diadakan pada 8 Januari 2024. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

*The "Jejak Alumni" program with YBhg. Datuk Wira Arham Abdul Rahman (FE 1987) at the Malaysian Investment Development Authority (MIDA) on 8 January 2024. He is the Chief Executive Officer of MIDA.*



## JEJAK ALUMNI @ SABAH

***JEJAK ALUMNI @ SABAH***

28.1.2024



